

26 AUG 1996

SAMBUTAN KEMPEN TANAM POKOK MENGECEWAKAN

KUANTAN, 26 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata beliau kecewa dengan sikap sebahagian Anggota Dewan Undangan Negeri yang tidak memberikan kerjasama dan sambutan terhadap kempen serta usaha menanam pokok di Pahang.

Beliau berkata mereka sepatutnya memberi kerjasama penuh menjayakan kempen menghijaukan negara dan menanam pokok sebaik saja kempen itu dilancarkan pada Hari Perhutanan Sedunia peringkat kebangsaan di sini baru-baru ini.

Mereka tidak harus menunggu arahan untuk melaksanakan usaha menanam pokok, katanya ketika diminta mengulas kenyataan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Perikanan Negeri Datuk Tan Aminuddin Ishak bahawa sebahagian Anggota Dewan Undangan Negeri tidak menunjukkan minat menanam pokok walaupun mereka dibekalkan dengan 200 anak pokok.

Tan Aminuddin berkata beberapa anggota Exco dan Khalil sudah menanam anak pokok jati dan sentang yang diperolehi dari Jabatan Perhutanan.

Khalil berkata Anggota Dewan Undangan Negeri sepatutnya menjadi contoh dan pelopor ke arah usaha menghijaukan negara untuk diikuti oleh rakyat seluruhnya, selaras dengan slogan Hari Perhutanan Sedunia kebangsaan "Satu Warga Satu Pokok".

Mereka juga harus bersungguh-sungguh melaksanakannya kerana ia merupakan projek negara sejajar dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menghijaukan Malaysia. -- BERNAMA

AZ MAI